

BEPROGENT OINTMENT/CREAM

Betamethasone Dipropionate / Gentamicin Sulphate (0.064%w/w, 0.17%w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Beprogen Ointment/Cream
2. Bagaimana Beprogen Ointment/Cream berfungsi
3. Sebelum mengambil Beprogen Ointment/Cream
4. Cara menggunakan Beprogen Ointment/Cream
5. Semasa menggunakan Beprogen Ointment/Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Beprogen Ointment/Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang ubat ini. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil ubat ini berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda. Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan Beprogen Ointment/Cream

Beprogen Ointment/Cream digunakan sebagai rawatan topikal untuk merawat keadaan kulit radang, di mana jangkitan bakteria juga hadir atau mungkin berlaku.

Bagaimana Beprogen Ointment/Cream berfungsi

Beprogen Ointment/Cream mengandungi bahan-bahan aktif

Betamethasone Dipropionate dan *Gentamicin Sulphate*.

Betamethasone Dipropionate adalah sejenis *kortikosteroid* (steroid) yang membantu mengurangkan bengkak, kegatalan dan kemerahan kulit. Gentamicin Sulphate adalah antibiotik yang memberi aktiviti antibakteria terhadap kebanyakan kuman (bakteria) pada kulit.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum mengambil Beprogen Ointment/Cream

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan guna ubat ini jika anda sensitif atau mengalami tanda-tanda tindak balas alahan kepada;

- Betamethasone dipropionate atau sebarang corticosteroid.
- Gentamicin Sulphate
- mana-mana bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

Sebahagian daripada tanda-tanda tindak balas alahan termasuk sesak nafas, sempit atau kesukaran bernafas, bengkak muka, bibir, lidah atau bahagian-bahagian badan yang lain; ruam, gatal-gatal pada kulit.

-Sebelum mula mengambil

Maklumkan ahli farmasi atau doktor:

- Sekiranya anda mempunyai jangkitan pada kulit dan nyatakan kawasan jangkitan.
- Keadaan perubatan anda atau alahan yang anda mungkin ada, dan apa-apa fakta yang penting tentang kesihatan anda

Kehamilan dan penyusuan:

- Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini sekiranya

anda hamil, bercadang untuk hamil atau menyusui badan.

- Tiada rekod menunjukkan ubat ini selamat digunakan semasa kehamilan dan laktasi (penyusuan).

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat-ubatan yang lain dan produk kulit yang anda gunakan, termasuk ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi, dan herba.

Cara menggunakan Beprogen Ointment/Cream

-Berapa banyak harus digunakan

Gunakan ubat 2 kali sehari pada bahagian kulit yang terjejas. Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

-Bila perlu digunakan

Gunakan ubat 2 kali sehari, pagi dan malam. Cuci tangan anda selepas menggunakan ubat ini.

-Berapa lama perlu digunakan

Jika anda tidak pasti berapa lama anda perlu menggunakan ubat ini, atau jangkitan anda tidak bertambah baik selepas kursus rawatan, atau jika ia menjadi lebih teruk, hubungi doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Sila gunakan ubat ini seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Jika anda terlupa untuk menggunakan ubat ini, gunakan ia sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk penggunaan seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan terus dengan jadual biasa anda.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Steroid boleh menyerap ke dalam kulit anda sekiranya digunakan berlebihan dan penyerapan ubat ini

ke dalam kulit untuk jangka masa yang lama boleh menyebabkan sensitiviti kelenjar adrenal.

Jika anda mengesyaki bahawa anda terlebih dos, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda. Bawa baki ubat dengan anda.

Semasa menggunakan Beprogenet Ointment/Cream

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan pengambilan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil Beprogenet Ointment/Cream.

Hubungi doktor jika anda mengalami penglihatan yang kabur atau gangguan penglihatan yang lain.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan teruskan penggunaan ubat ini sekiranya anda mengalami iritasi atau sensitif selepas menggunakan ubat ini.

Jangan berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai gejala yang sama seperti anda. Ia boleh membahayakan orang lain jika tidak dipreskripsi oleh doktor.

Jangan guna lebih daripada dos yang disyorkan selain diarahkan oleh doktor.

Perawatan untuk luka tertutup tidak digalakkan, melainkan diarah oleh doktor.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini tidak boleh digunakan di dalam atau kawasan berhampiran mata. Jika ini berlaku, basuhkan mata anda dengan pencuci mata. Mata anda mungkin menyegat. Sekiranya anda mengalami sebarang masalah penglihatan, hubungi doktor anda dengan segera.

Jangan guna ubat ini dalam jangka masa yang lama, melainkan doktor atau ahli farmasi anda telah memberitahu anda.

Jangan telan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Beprogenet Ointment/Cream boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan. Walau bagaimanapun, kebiasaannya ia tidak serius. Sesetengah mungkin serius dan memerlukan perhatian perubatan.

Kesan sampingan berkemungkinan yang berkaitan dengan rawatan jarang dilaporkan: kegatalan, ruam, kekeringan, iritasi (termasuk kesakitan, kepanasan, rasa pedih dan kemerahan kulit) dan penglihatan kabur.

Berhenti guna ubat ini dan dapatkan bantuan segera jika anda mengalami: kesukaran bernafas, muka dan tekak membengkak dan kulit ruam yang teruk. Anda mungkin mempunyai reaksi alergi.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npdra.gov.my (*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Beprogenet Ointment/Cream

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Tutup dengan rapat dan betul. Lindungi daripada cahaya. Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Ointment: salap putih dan boleh didapati dalam 15g tiub aluminium.

Cream: krim putih dan boleh didapati dalam 15g tiub aluminium.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:

Betamethasone Dipropionate 0.064%w/w, *Gentamicin Sulphate* 0.17%w/w

Bahan-bahan tidak aktif:

Ointment: *White Soft Paraffin* dan *Liquid Paraffin*.

Cream: *Methylparaben, Propylparaben, White Soft Paraffin, Liquid Paraffin, Propylene Glycol, Cetostearyl Alcohol, Macrogol Cetostearyl Ether, Sodium Dihydrogen Phosphate, Phosphoric Acid 85% and Purified Water*

-Nombor MAL :

Ointment : MAL19970903AZ

Cream : MAL19970902AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

11/05/2022

Nombor siri

NPRA(R2/1)210712/707